



## **Kesejahteraan subjektif: Kajian kes nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor**

Zaimah, R.<sup>1</sup>, Suhana Saad<sup>1</sup>, Azima, A. M.<sup>1</sup>, Mohd Yusof Hussain<sup>1</sup>, Mohd Samsudin<sup>2</sup>, Mustaffa Omar<sup>3</sup>,  
Ishak Yussof<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), <sup>2</sup>Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, <sup>3</sup>Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, <sup>4</sup>Sekolah Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM

Correspondence: Zaimah, R. (email: zaimahr@ukm.edu.my)

### **Abstrak**

Kertas bertujuan membincangkan tahap kesejahteraan hidup nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. Objektif khusus kertas ialah mengukur tahap kesejahteraan hidup nelayan dan membuat perbandingan tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dengan nelayan laut dalam. Selain itu, hubungan antara tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dan nelayan laut dalam dengan umur, bilangan tanggungan, tempoh masa menjadi nelayan, pendapatan bulanan dan pendapatan keluarga responden turut dianalisa. Tahap kesejahteraan hidup diukur secara subjektif berdasarkan persepsi nelayan terhadap 10 pernyataan berkaitan kehidupan seharian mereka menggunakan 5-skala likert. Sejumlah 200 orang nelayan dianalisis dalam perbincangan ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kesejahteraan hidup nelayan adalah pada tahap yang tinggi, baik nelayan pantai ataupun nelayan laut dalam. Meskipun begitu, penglibatan pihak berkuasa dalam meningkatkan tingkat kehidupan masyarakat nelayan amat penting untuk mencapai tingkat pendapatan yang lebih tinggi agar kesejahteraan hidup sebenar dapat dinikmati.

**Katakunci:** bantuan kewangan, kesejahteraan hidup, nelayan pesisir pantai, nelayan laut dalam, pengukuran subjektif, taraf hidup

## **Subjective well-being: A case study of fishermen in Sedili, Kota Tinggi, Johor**

### **Abstract**

People differ in their perception of things including their own well-being although they may come from a similar occupational or vocational background. This study compared the perceived level of well-being of offshore and deep-sea fishermen in Sedili, Kota Tinggi, Johor against their age, number of dependents, duration as fisherman, and monthly individual and family income. A total of 200 fishermen were involved in the study. The fishermen's perceived level of well-being was measured by applying a 5-likert scale to the fishermen's answer scores on 10 well-being related statements. The results showed that the level of the fishermen's perceived well-being was high for both offshore and deep-sea fishermen. Even so, the objective role of the authorities in enhancing their income through direct financial aid was found to have contributed to the fishermen's positive perception of their real well-being.

**Keywords:** deep-sea fishermen, financial aid, offshore fishermen, perceived well-being, standard of living, subjective measures

## Pengenalan

Isu kesejahteraan hidup dalam kalangan nelayan wajar diberi perhatian serius kerana rata-rata nelayan, terutama nelayan pesisir pantai adalah termasuk dalam golongan rakyat miskin (Pollnac & Poggie, 2008; Mohd Shaladdin, 2009; Noviati et al., 2011; Ishak, 1988) tidak terkecuali nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. Dalam usaha kerajaan Malaysia membawa negara ini ke tahap negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, namun komuniti nelayan masih dihantui masalah kemiskinan. Mengikut statistik dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), komuniti nelayan tergolong dalam kumpulan 40 peratus penduduk berpendapatan rendah (Malaysia, 2010).

Justeru, kertas ini cuba mengukur tahap kesejahteraan hidup nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. Tahap kesejahteraan hidup penduduk diukur secara subjektif berdasarkan persepsi mereka sendiri ke atas pengukuran kesejahteraan hidup yang dikemukakan. Dapatan dibincangkan dalam bentuk perbandingan di antara nelayan pantai dengan nelayan laut dalam bagi mengenalpasti kumpulan sasaran yang tepat dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan hidup mereka.

## Tinjauan lepas

Pelbagai definisi kesejahteraan hidup telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Smith dan Clay (2010) menyatakan bahawa kesejahteraan adalah konsep yang biasa dibincangkan dalam disiplin antropologi, ekonomi, psikologi, sosiologi dan lain bidang sains sosial. Muhammad Fadhil (2003) mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai satu usaha meningkatkan kualiti hidup kepada satu tahap yang selamat, sihat dan selesa daripada aspek fizikal, sosial dan psikologi. Manakala Renwick (2006) mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai sesuatu yang menyebabkan seseorang merasa gembira, bahagia dan mempunyai kehidupan yang lebih bermakna.

Sementara itu, kajian lepas ke atas kesejahteraan hidup keluarga memberi fokus kepada sumber kewangan dan penggunaan ke atas sumber tersebut bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Laily & Jariah, 2003). Beberapa pembolehubah yang sering digunakan untuk mengukur kesejahteraan hidup ialah pendapatan, harta, perbelanjaan, garis kemiskinan, angka tunjuk harga pengguna, status sosioekonomi, pekerjaan dan pendidikan (Laily & Lokman, 2005). Selain itu, kesejahteraan hidup juga boleh diukur dengan memberikan tumpuan kepada aspek kesihatan, perumahan dan kehidupan berkeluarga (Laily et al. 1999).

Tahap kesejahteraan hidup turut diukur secara objektif dan subjektif (Laily et al., 1999; Smith & Clay, 2010). Misalnya Laily et al. (1999) telah mengukur tahap kesejahteraan hidup penduduk bandar Kuching, Johor Bharu dan Kuala Lumpur secara subjektif. Pengukuran kesejahteraan hidup dilakukan menggunakan 19 soalan yang menanyakan tahap kepuasan subjek berdasarkan pengukuran 3-skala, iaitu "tidak paushati", "tidak pasti" dan "puashati". Hasil kajian mendapati penduduk mempunyai tahap kepuasan yang sederhana terhadap aspek ekonomi, perumahan, social dan politik.

Kajian terhadap kesejahteraan hidup dalam kalangan komuniti nelayan telah banyak dilaksanakan. Katiman et al. (2006) mengkaji perkaitan kesejahteraan hidup masyarakat pesisir pantai dengan isu transformasi ruang desa bandar di Kemaman-Dungun, Terengganu. Penemuan petroleum dan gas asli di luar pantai pada akhir tahun 1970-an telah menyebabkan wujudnya transformasi kegiatan ekonomi penduduk daripada ekonomi tradisional (perikanan) kepada kegiatan ekonomi moden. Transformasi tersebut telah meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. Hal ini kerana ianya telah menggalakkan nelayan melakukan kerja sampingan bagi menambahkan pendapatan keluarga.

Mohd Shaladdin et al. (2009) telah menganalisis faktor-faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan pesisir di Daerah Kuala Terengganu. Hasil kajian mendapati tahap kesejahteraan hidup nelayan pesisir di Kuala Terengganu berada pada tahap rendah. Seterusnya Noviati et al. (2011) mengkaji kekangan persekitaran dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dalam keluarga nelayan. Hasil kajian mendapati persekitaran fizikal dan sosial menjadi kekangan utama dalam usaha meningkatkan kualiti

hidup komuniti nelayan di Kota Padang, Sumatera. Hasil kajian merumuskan bahawa strategi adaptasi penglibatan ahli isi rumah dalam pekerjaan lain adalah perlu untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

Dalam pada itu, peranan dan bantuan daripada pihak berkuasa turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan nelayan. Aaron Hatcher (2000) telah mengkaji peranan dana awam dalam penyusunan semula komuniti nelayan ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Kajian fokus kepada pemberian subsidi secara langsung, seperti vesel menangkap ikan, subsidi pembinaan vesel tangkapan baru dan penambahbaikan bot-bot nelayan sedia ada. Hasil kajian mendapati dana awam tersebut mampu meningkatkan tahap kesejahteraan hidup nelayan.

Sementara itu, Nguyen Minch Duc (2007) mengkaji tahap kepuasan petani terhadap kegiatan akuakultur yang dijalankan ke atas 120 penternak ikan di Selatan Vietnam. Hasil kajian mendapati tahap kepuasan petani terhadap ternakan ikan meningkat selari dengan penglibatan pihak pemerintah dalam memberikan pelbagai bantuan kepada petani. Salah satu bentuk bantuan yang diberikan adalah pembukaan kolam yang lebih besar. Bermakna, semakin banyak bantuan diberikan, semakin banyak pendapatan petani dapat ditingkatkan, maka tahap kesejahteraan hidup petani dapat ditingkatkan.

Berdasarkan kajian lepas yang dirujuk, faktor yang perlu diberi keutamaan dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan hidup komuniti nelayan adalah pendapatan dan pekerjaan sampingan, serta bantuan daripada pihak pemerintah.

## Metod kajian

Kajian lapangan dilakukan di Sedili, Johor. Seramai 200 orang responden ditemubual secara bersemuka menggunakan borang soal selidik. Tahap kesejahteraan hidup (pembolehubah bersandar) diukur menggunakan 5-skala likert, iaitu 1=sangat tidak puashati, 2=tidak puashati, 3=sederhana, 4=puashati dan 5=sangat puashati. Pengukuran kesejahteraan hidup ini diadaptasi daripada kajian Laily et al. (1999). Ianya mengandungi 10 pernyataan yang cuba mengukur tahap kesejahteraan hidup nelayan. Ujian kebolehpercayaan dilakukan ke atas pengukuran kesejahteraan hidup dan nilai Cronbach-alpha ( $\alpha$ ) diperolehi ialah .885. Analisis faktor (pengkelasan) juga dilakukan ke atas pengukuran kesejahteraan hidup dan ianya mengandungi hanya satu konstruk. Sementara analisis data dilakukan secara deskriptif dan inferensi. Analisis kekerapan, peratus, purata dan sisihan piawai akan digunakan untuk menjelaskan latar belakang responden dan menentukan tahap kesejahteraan hidup responden. Analisis perbandingan menggunakan ujian t-test dan ujian ANOVA digunakan untuk melihat perbandingan tahap kesejahteraan hidup responden daripada aspek umur, bilangan tanggungan dan jumlah pendapatan bulanan.

## Hasil dan perbincangan

### *Latar belakang responden*

Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang responden. Purata umur responden ialah 48 tahun dan umur minimum dan maksimum responden ialah 20 dan 81 tahun. Sebahagian besar responden adalah berkahwin (82.5%). Bilangan tanggungan oleh responden secara purata ialah empat orang. Jika diperhalusi, bilangan responden mempunyai tanggungan tiga orang mencatatkan peratus tertinggi (22%) berbanding bilangan tanggungan lain. Hampir separuh (48.5%) daripada responden mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja dan hanya 38 peratus responden mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah menengah. Rata-rata responden yang tidak pernah bersekolah pula adalah mereka yang berusia melebihi 50 tahun.

**Jadual 1. Latar belakang responden**

	Kekerapan (%)	Purata (S.P.)
Umur:		48 (12.81)
Status kahwin:		
Bujang	30 (15.0)	
Berkahwin	165 (82.5)	
Duda	5 (2.5)	
Bilangan tanggungan	-	4 ( 3.16)
Tahap pendidikan:		
Tidak bersekolah	27 (13.5)	
Sekolah rendah	97 (48.5)	
Sekolah menengah	76 (38.0)	
Tempoh masa menjadi nelayan		26 (13.25)
Pendapatan bulanan nelayan (RM)		712.75 (416.40)
Pendapatan bulanan isirumah (RM)		1021.30 (1045.02)
Status pemilikan rumah:		
Rumah sendiri	147 (73.5)	
Rumah sewa	28 (14.0)	
Menumpang/setinggalan	25 (12.5)	

Tempoh masa menjadi nelayan dalam kalangan responden secara purata ialah 26 tahun, minimum satu tahun dan maksimum 54 tahun. Purata pendapatan responden daripada pekerjaan sebagai nelayan ialah RM713.00 sebulan. Purata garis kemiskinan kasar negeri Johor RM634 sebulan (Malaysia 2006), bermakna responden berjaya melepasi kadar tersebut. Walaupun begitu, rata-rata responden mempunyai pendapatan bulanan antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan (82%) dan ianya masih dalam kumpulan 40 peratus penduduk berpendapatan rendah (Malaysia 2010). Jika dilihat purata pendapatan bulanan isirumah pula, ianya mencatatkan sebanyak RM1,021.30 sebulan. Manakala status pemilikan rumah pula menunjukkan majoriti responden (73.5%) mempunyai rumah sendiri. Pemilikan rumah sendiri mencerminkan tingkat kesejahteraan hidup yang lebih baik secara relatif. Apatah lagi hampir 60 peratus daripada responden memiliki atau mendiami rumah batu berbanding rumah kayu.

#### *Taburan tahap kesejahteraan hidup responden*

Tahap kesejahteraan hidup responden diukur secara subjektif, iaitu memberikan jawapan bergantung kepada penilaian peribadi responden terhadap tahap kesejahteraan hidup yang dirasakan oleh mereka. Jadual 2 menunjukkan taburan tahap kesejahteraan hidup responden. Perbincangan bahagian ini fokus kepada kekerapan dan peratus tertinggi yang dicatatkan pada setiap pernyataan pengukuran kesejahteraan hidup responden.

Majoriti responden sangat berpuashati terhadap kehidupan berkeluarga dan hidup berjiran (75%). Kurang 40 peratus responden sangat berpuashati terhadap pekerjaan dan milikan harta. Hal ini dijangkakan berkaitan dengan pendapatan yang rendah daripada pekerjaan sebagai nelayan. Seterusnya, hanya separuh daripada responden sangat berpuashati terhadap jaminan keselamatan dan kesihatan. Bermakna hampir separuh lagi responden kurang berpuashati terhadap jaminan keselamatan dan kesihatan, hal ini juga berkemungkinan dipengaruhi oleh keteguhan kewangan responden.

**Jadual 2. Taburan tahap kesejahteraan hidup responden**

Pengukuran kesejahteraan hidup	STP	TP	S	PH	SPH
Kepuasan terhadap kehidupan berkeluarga dan hidup berjiran.	-	1 (0.5)	-	49 (24.5)	<b>150</b> <b>(75.0)</b>
Kepuasan terhadap pekerjaan dan harta yang dimiliki.	2 (1.0)	4 (4.0)	62 (31.0)	55 (27.5)	<b>77</b> <b>(38.5)</b>
Kepuasan terhadap jaminan keselamatan dan kesihatan diri dan keluarga.	-	2 (1.0)	8 (4.0)	88 (44.0)	<b>102</b> <b>(51.0)</b>
Kepuasan terhadap dasar pembangunan dan bantuan kerajaan.	17 (8.5)	20 (10.0)	<b>69</b> <b>(34.5)</b>	53 (26.5)	41 (20.5)
Kepuasan terhadap penggunaan masa lapang.	1 (0.5)	1 (0.5)	17 (8.5)	<b>100</b> <b>(50.0)</b>	81 (40.5)
Kepuasan terhadap keselesaan rumah dan persekitaran tempat tinggal.	1 (0.5)	6 (3.0)	39 (19.5)	63 (31.5)	<b>91</b> <b>(45.5)</b>
Kepuasan terhadap tahap pendidikan yang dicapai.	2 (1.0)	9 (4.5)	19 (9.5)	<b>104</b> <b>(52.0)</b>	66 (33.0)
Kepuasan terhadap penglibatan responden dalam berpersatuan.	-	9 (4.5)	55 (27.5)	57 (28.5)	<b>79</b> <b>(39.5)</b>
Kepuasan terhadap keperluan asas hidup.	-	1 (0.5)	39 (19.5)	67 (33.5)	<b>93</b> <b>(46.5)</b>
Kepuasan terhadap amalan beragama.	-	2 (1.0)	47 (23.5)	62 (31.0)	<b>89</b> <b>(44.5)</b>

**Nota:** STP=sangat tidak puashati; TP=tidak puashati; S=sederhana; PH=puashati; SPH=sangat puashati; P=purata; SP=sisihan piawai.

Sebaliknya hampir 35 peratus responden mencatatkan peratus tertinggi pada skala sederhana untuk kepuasan terhadap dasar pembangunan dan bantuan kerajaan. Hal ini dijangkakan kerana hanya sebahagian kecil responden menerima bantuan daripada pihak kerajaan, seperti bot (6.5%), pukot (7%), enjin (6.5%). Malahan tidak sampai separuh daripada responden menerima subsidi minyak (34.5%) dan bantuan sara hidup (43%). Seterusnya, separuh daripada responden berpuashati terhadap penggunaan masa lapang mereka.

Jadual 2 turut menunjukkan tidak sampai separuh daripada responden (45.5%) berpuashati terhadap keselesaan rumah dan tempat tinggal. Sementara itu, 52 peratus responden mencatatkan berpuashati dengan tahap pendidikan yang dicapai. Hal ini pastinya dipengaruhi oleh tahap pendidikan mereka yang agak rendah, iaitu majoriti daripada mereka hanya tamat sekolah rendah sahaja. Tambahan pula wujud keciciran dalam persekolahan dan pengangguran dalam kalangan anak-anak responden, seperti tidak pernah sekolah (3%), tidak tamat sekolah (4%) dan anak-anak lepasan sekolah yang menganggur (24.5%).

Seterusnya, hanya sekitar 40 peratus responden mencatatkan sangat berpuashati terhadap penglibatan berpersatuan ((39.5%), keperluan asas hidup (46.5%) dan amalan beragama (44.5%). Dapatan ini membayangkan bahawa rata-rata responden sekadar berpuashati dengan perkara-perkara tersebut. Secara keseluruhannya, taburan tahap kesejahteraan hidup adalah memuaskan memandangkan kebanyakan peratus tertinggi dicatatkan pada skala sangat berpuashati dan berpuashati.

#### *Tahap kesejahteraan hidup: Nelayan pantai vs. nelayan laut dalam*

Perbandingan tahap kesejahteraan hidup responden turut dilakukan bagi melihat sama ada wujud perbezaan atau tidak di antara tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dengan nelayan laut dalam. Perbandingan dilakukan berdasarkan purata skor kesejahteraan hidup di antara nelayan pantai dan nelayan laut dalam. Jadual 3 menunjukkan tahap kesejahteraan hidup secara umum dan perbandingan tahap kesejahteraan hidup di antara nelayan pantai dengan nelayan laut dalam.

**Jadual 3. Tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dan nelayan laut dalam**

Pengukuran kesejahteraan hidup	Nelayan (n=200)		Nelayan Pantai (n=128)		Nelayan Laut Dalam (n=72)	
	Purata	SP	Purata	SP	Purata	SP
Kepuasan terhadap kehidupan berkeluarga dan hidup berjiran.	4.74	.473	4.72	.501	4.78	.419
Kepuasan terhadap pekerjaan dan harta yang dimiliki.	4.01	.932	4.03	.930	3.96	.941
Kepuasan terhadap jaminan keselamatan dan kesihatan diri dan keluarga.	4.45	.624	4.43	.660	4.49	.556
Kepuasan terhadap dasar pembangunan dan bantuan kerajaan	3.41	1.170	3.43	1.141	3.36	1.225
Kepuasan terhadap penggunaan masa lapang	4.30	.686	4.31	.661	4.26	.731
Kepuasan terhadap keselesaan rumah dan persekitaran tempat tinggal	4.19	.886	4.17	.870	4.21	.918
Kepuasan terhadap tahap pendidikan yang dicapai	4.12	.828	4.10	.802	4.14	.877
Kepuasan terhadap penglibatan responden dalam berpersatuan	4.03	.924	4.01	.883	4.07	.998
Kepuasan terhadap keperluan asas hidup	4.26	.785	4.29	.765	4.21	.821
Kepuasan terhadap amalan beragama	4.19	.829	4.20	.836	4.17	.822
<b>Purata keseluruhan:</b>	<b>4.17</b>	<b>.854</b>	<b>4.17</b>	<b>.585</b>	<b>4.16</b>	<b>.584</b>

Secara umum, responden didapati mempunyai kepuasan yang tinggi terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka dengan mencatatkan purata skor melebihi 4.00 mata, kecuali untuk pernyataan berkaitan kepuasan terhadap dasar pembangunan dan bantuan kerajaan. Hal ini kerana tidak ramai responden yang menerima bantuan daripada pihak berkuasa (seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini). Purata keseluruhan (komposit) tahap kesejahteraan hidup responden ialah 4.17 mata. Bermaksud responden mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka. Jika perbandingan purata tahap kesejahteraan hidup dilakukan di antara nelayan pantai dengan nelayan laut dalam, perbezaan antara keduanya adalah sangat sedikit dan sukar untuk dibezakan. Malahan purata keseluruhan di antara nelayan pantai dengan nelayan laut dalam adalah hampir sama dengan keseluruhan nelayan yang dikaji. Kesimpulannya, tiada perbezaan tahap kesejahteraan hidup nelayan, sama ada ianya dalam kategori nelayan pantai atau nelayan laut dalam.

*Hubungan latar belakang dengan tahap kesejahteraan hidup responden*

Jadual 4 menunjukkan maklumat latar belakang terpilih bagi nelayan pantai dan nelayan laut dalam. Hubungan di antara tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dan nelayan laut dalam dengan beberapa latar belakang terpilih responden cuba dianalisa. Hasilnya mendapati hanya wujud hubungan yang lemah (positif) di antara purata kesejahteraan hidup nelayan pantai dengan bilangan tanggungan responden

**Jadual 4. Hubungan Tahap kesejahteraan hidup dengan latar belakang responden**

Latar belakang responden	Nelayan Pantai		Nelayan Laut Dalam	
	Purata	SP	Purata	SP
Umur	48	12.90	47	12.72
Bilangan tanggungan *	4	3.58	3	2.20
Tempoh masa menjadi nelayan	27	13.27	25	13.20
Pendapatan bulanan nelayan (RM)	691	465.54	752	309.64
Pendapatan bulanan isirumah (RM)	1,034	1270.89	998	413.44

( $r=.190$ ,  $p=.031$ ). Kesimpulannya, tahap kesejahteraan responden adalah tidak mempunyai hubungan dengan umur, tempoh masa menjadi nelayan dan pendapatan bulanan, baik pendapatan individu atau pendapatan isi rumah.

## Kesimpulan

Kertas telah mencapai objektif utama untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup nelayan dan membuat perbandingan tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dengan nelayan laut dalam di Sedili. Hasil kajian menunjukkan persepsi responden terhadap tahap kesejahteraan hidup adalah baik dengan rata-rata responden berpuashati dan sangat berpuashati terhadap kesejahteraan hidup mereka. Purata tahap kesejahteraan hidup terendah ialah 3.41 dan purata kesejahteraan hidup tertinggi ialah 4.74. Setelah diperhalusi, kepuasan terhadap kehidupan berkeluarga dan hidup berjiran mencatatkan purata skor tertinggi (4.74). Sebaliknya kepuasan terhadap dasar pembangunan dan bantuan kerajaan mencatatkan purata terendah (3.41). Ringkasnya responden didapati mempunyai persepsi yang positif terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka.

Selain itu, hasil kajian mendapati tiada hubungan di antara tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai dan nelayan laut dalam dengan umur, tempoh masa menjadi nelayan, pendapatan bulanan dan pendapatan keluarga responden. Hanya bilangan tanggungan sahaja yang mempunyai hubungan positif dengan tahap kesejahteraan hidup nelayan pantai, tetapi pada hubungannya adalah sangat lemah. Ringkasnya, faktor latar belakang yang diuji tidak mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup nelayan, baik nelayan pantai ataupun nelayan laut dalam.

Hasil daripada keseluruhan analisis yang dilakukan, terdapat tiga implikasi kajian yang perlu ditonjolkan. Pertama, walaupun rata-rata responden berpuashati dengan tahap kesejahteraan hidup mereka, tidak bermakna bahawa mereka tidak menghadapi masalah dalam kehidupan. Nelayan dilihat sebagai sentiasa berusaha menyesuaikan diri dengan tahap kemampuan mereka, iaitu mereka terpaksa berpuashati dengan tahap kesejahteraan yang dikecapi selaras dengan pekerjaan dan pendapatan yang dimiliki. Oleh yang demikian nelayan perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu kerja sampingan lain bagi menjamin keteguhan kewangan diri dan keluarga memandangkan pekerjaan sebagai nelayan sangat dipengaruhi oleh cuaca.

Kedua, hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan dalam kalangan nelayan adalah amat rendah dan ianya menjadi satu halangan kepada mereka untuk menyertai sektor pekerjaan lain yang lebih berpotensi dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Maka, nelayan harus sedar dan mempunyai kekuatan dalaman yang kuat dalam mengalakkan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang lebih baik kerana ia mampu menjamin kualiti hidup yang lebih baik pada masa hadapan.

Ketiga, pihak-pihak berkuasa juga harus lebih peka dan memainkan peranan utama dalam membantu para nelayan. Bantuan kewangan dan fizikal harus diteruskan dengan ditambahbaik dari masa ke semasa. Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti yang boleh menyuntik semangat untuk nelayan terus berjuang ke satu tahap kualiti hidup yang lebih jauh lebih baik juga perlu dilakukan secara berjadual. Hal ini kerana 'semangat' untuk berjaya dalam hidup mempunyai pasang-surut, sama sepertimana air di lautan. Akhir sekali, kajian akan datang perlu memikirkan instrumen dan kaedah pengumpulan data yang lebih telus dalam mengukur tahap kesejahteraan hidup nelayan di Sedili menggunakan pendekatan kualitatif.

## Penghargaan

Penghargaan kepada EKOMAR kerana memberi peluang dan membiayai kerja lapangan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. Tidak lupa penghargaan kepada pemimpin tempatan dan penduduk Kampung Sedili di atas kerjasama yang diberikan.

## Rujukan

- Aron H (2000) Subsidies for European fishing fleets. *The European Community's Structural Policy For Fisheries Marine Policy* **24**, 129-140.
- Ishak S (1988) Pembangunan dan kemunduran: Perubahan ekonomi luar bandar di Kelantan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Katiman R, Asmah A, Sulong M, Mohd Fuad MJ, Mohd Azlan A (2006) Transformasi desa-bandar: Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Laily P, Jariah M (2003) Pengenalan ekonomi pengguna. Penerbit UPM, Serdang.
- Laily P, Lokman I (2005) Perbelanjaan pengangkutan dan komunikasi di kalangan pengguna di Batu Pahat, Johor. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* **8**, 101-113.
- Laily P, Ahmad HH, Nurizan Y (1999) Kesejahteraan hidup di kalangan isi rumah perumahan kos rendah di bandar metropolitan. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* **2**, 23-36.
- Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2010) *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Mohd Fadhil N (2003) Penilaian dampak pembangunan ke arah kesejahteraan masyarakat: Penilaian dampak sosial. Utusan Publication dan Distributor, Kuala Lumpur.
- Mohd Shaladdin M, Wan Abdul Aziz WMA, Nik Wan O (2006) Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan* **8**, 58-77.
- Nguyen MD (2008) Farmer's satisfaction with aquaculture - A logistic model in Vietnam. *Journal Of Ecological Economics* **68**, S25-S31.
- Noviarti, Jamluddin MDJ, Abd Rahim MN (2011) Kualiti hidup nelayan di Sumatera Barat: Kekangan dan adaptasi. *Sari-International Journal of Malay World and Civilization* **29** (1), 245-257.
- Pollnac RB, Poggie JJ (2008) Happiness, well-being and psychocultural to the stresses associated with marine fishing. *Human Ecology Review* **15**(2), 194-200.
- Renwick R (2006) The quality life model [Cited 12 October 2011]. Available from: <http://www.utoronto.ca/qo1/conepts.htm>.
- Smith CL, Clay PM (2010) Measuring subjective and objective well-being: analyses from five marine commercial fisheries. *Human Organization* **69**(2), 158-168.